

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

12. Terdapat tanah-tanah kampung yang telah dijual dan penduduk diarah mengosongkan tanah.
- (a) Bagi daerah Seberang Perai Utara sejak 2008, berapakah jumlah rumah-rumah terlibat dalam proses pemilikan kosong oleh tuan tanah? Senaraikan.
 - (b) Apakah langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu penduduk yang terpaksa berpindah dan mengosongkan tanah?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

12. (a) Penjualan tanah kampung yang merupakan tanah persendirian adalah berdasarkan prinsip '*willing buyer, willing seller*' dan di luar bidang kuasa Pentadbir Tanah. Pentadbiran ini tidak mempunyai maklumat berkaitan rumah-rumah yang terlibat dengan pemilikan kosong oleh tuan tanah.
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan satu garis panduan iaitu Dasar Pengurusan Setinggalan Negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan pada 21.10.2009 sebagai panduan kepada agensi Kerajaan dalam memastikan penduduk setinggalan (yang berada di atas tanah Kerajaan secara tidak sah) diberi keutamaan untuk projek-projek pembangunan semula. Selain itu, ia juga boleh dijadikan panduan oleh pemaju persendirian dalam menguruskan rumah mampu milik kepada penduduk setinggalan yang terbabit bagi pembangunan semula tanah persendirian yang diuruskan oleh pemaju projek atau tuan

tanah tersebut. Secara ringkasnya, penduduk setinggan yang terlibat dengan projek kerajaan, bayaran pampasan adalah berdasarkan Garis Panduan Bayaran Pampasan/Wang Ehsan Kepada Penduduk/Setinggan Terlibat Projek Kerajaan. Manakala bagi pendudukan secara tidak sah di atas tanah persendirian pula, tuan tanah bebas untuk membuat keputusan tawaran pampasan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membantu penempatan semula mereka yang terjejas akibat pembangunan tanah melalui tawaran Rumah Mampu Milik kepada mereka yang layak. Sejak 2013 hingga kini sebanyak 3,354 mereka yang dikategorikan sebagai setinggan atau di bawah kategori Perintah Pindah telah diberi tawaran oleh Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan Pulau Pinang/*Selection and Process Enhancement Committee* (JPPPP/SPEC).